

GENDER KETIGA WAJARKAH DIKTIRAF?

Polemik mengenai isu gender ketiga muncul setelah pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) pada 14 Jun 2021 telah memuat naik iklan untuk mencari penyelidik bagi kajian 'The Research on Feasibility of Having Legislation on The Recognition of a Third Gender in Malaysia' yang akan membuka satu usaha untuk memberi pengiktirafan kepada golongan gender ketiga di Malaysia. Pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan tokoh-tokoh bawangkam bangkit melancarkan bantahan keras ke atas tindakan SUHAKAM tersebut.

Ini kerana dalam terma rujukan tawaran kajian tersebut jelas menyebutkan bahawa antara hasil dapatan kajian (research outcome and deliverables) ialah untuk mengemukakan pembaharuan perundangan yang komprehensif bagi menetapkan garis panduan pengiktirafan transgender di Malaysia. Malah, hasil dapatan kajian tersebut juga ialah untuk memberikan cadangan (recommendations) kepada pihak Kerajaan untuk mengubah undang-undang bagi mengiktiraf golongan transgender dimana golongan transgender ini juga termasuk dalam istilah gender ketiga transgender.

Apakah Itu Gender Ketiga?

Oxford Learner's Dictionary memberikan definisi gender ketiga sebagai satu kategori kumpulan manusia yang memiliki untuk tidak dikenali sebagai lelaki atau wanita, tetapi dikenali sama ada sebagai lelaki dan wanita atau gabungan antara lelaki dan wanita. Manakala laman sesawang United Nation Human Rights Office (Pejabat Hak Asasi Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) memberikan maklumat bahawa gender ketiga ini berada

di bawah definisi kumpulan transgender di mana transgender merangkumi golongan transeksual (orang yang mengubah jantina asal mereka) dan golongan transtestives yang berpenampilan bercanggah dengan jantina asal mereka.

Oleh kerana golongan transeksual dan transtestive ini termasuk dalam definisi transgender, ini bermaksud kertas cadangan penyelidikan SUHAKAM ini juga turut merubi pengiktirafan kepada golongan berkenaan persoalannya, apakah Islam mengiktiraf perubahan jantina yang dilakukan oleh golongan transeksual? Atau, apakah Islam membenarkan seorang lelaki berpenampilan wanita atau sebaliknya seperti yang termaktub dalam perbahasan gender identiti oleh Pejabat Hak Asasi Kemanusiaan di atas?

Gender Ketiga Dalam Islam

Secara umumnya tiada gender ketiga dalam Islam. Dalam al-Quran, Allah menetapkan secara jelas bahawa Dia menjadikan manusia dalam kalangan lelaki dan wanita sahaja. Firman Allah yang bermaksud:

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenalan-kenalan

(Surah al-Hujurat: 13)

Namun begitu, terdapat juga manusia yang dilahirkan secara semula jadi memiliki dua alat kelamin. Dalam hal ini, Rasulullah SAW memberikan solusi yang sangat terperinci mengenai kewujudan bayi yang dilahirkan dalam keadaan memiliki dua alat kelamin yang dikategorikan sebagai khunsa. Dalam menangani permasalahan ini, sarjana muslim telah menegaskan bahawa khunsa ini bukan merupakan jantina ketiga dan bayi tersebut perlu ditentukan jantina mereka samada lelaki atau wanita.

Penetapan tegas ini dinyatakan oleh al-Imam al-Nawawi yang menyebutkan bahawa: "Mazhab kami menentukan bahawa khunsa itu hanyalah sama ada lelaki atau perempuan. Dia bukan jantina ketiga." (al-Nawawi, Raudah al-Talibin)

Khunsa Bukan Transgender

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Pejabat Hak Asasi Kemanusiaan PBB di atas jelas menunjukkan bahawa transgender itu bukanlah khunsa. Ini kerana, khunsa seperti yang dibicarakan oleh sarjana muslim adalah kelahiran semula jadi manusia yang memiliki dua jantina, lalu jantina mereka ditentukan berdasarkan sifat yang dominan berdasarkan nasihat pakar perubahan sendiri.

Khunsa dilahirkan secara semula jadi sedangkan golongan transgender dan golongan transeksual ini adalah golongan yang berpakaian atau berpenampilan atau berperwatakan lain yang bercanggah dengan jantina semulajadi mereka. Malah lebih jauh dari itu, sebahagian daripada mereka turut melakukan perkara yang ditegah oleh Allah dan Rasulnya iaitu dengan mengubah alat kelamin dan anggota tubuh badan mereka untuk kelihatan seperti jantina yang mereka kehendaki melalui cara pembedahan, suntikan hormon dan sebagainya.

Mengapa Gender Ketiga Dilarang Dalam Islam?

Antara asas yang paling kukuh untuk menolak pengiktirafan gender ketiga adalah dari aspek perubahan kejadian Allah. Dalam erti kata yang lain, mereka telah dijadikan sempurna dalam jantina kelahiran mereka, namun mereka mengubah kejadian tersebut. Larangan melakukan sedemikian jelas terpatri dalam al-Quran, firman Allah:

"Dan aku (syaitan) benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan menyuruh mereka (memotong telinga-telinga binatang ternak) lalu mereka benar-benar memotongnya, dan akan aku suruh mereka (mengubah ciptaan Allah), lalu benar-benar mereka mengubahnya. Barangsiapa yang menjadikan syaitan menjadi pelindung selain Allah, maka sesungguhnya ia peradua keruagan yang nyata (Surah al-Nisa: 119).

Larangan ini dikuatkuatkan lagi dengan tegahan dari Rasulullah SAW yang menegaskan: "Allah melaknat pembuat tatu, orang yang meminta supaya dibuatkan tatu kepadanya,

orang yang mencukur kening, serta menjarangkan gigi dengan tujuan untuk kecantikan, dan golongan yang mengubah ciptaan Allah (Sahih al-Bukhari) Bukan itu sahaja, kempen pengiktirafan gender ketiga ini sangat bercanggah dengan panduan daripada hadis Rasulullah SAW. Ini kerana Rasulullah SAW melarang seorang muslim daripada berperwatakan dengan penampilan yang bertentangan dengan jantina mereka. Al-Imam al-Bukhari merekodkan hadis yang menyebutkan: "Rasulullah melaknat golongan mukhanathah (berperwatakan wanita) daripada kaum lelaki dan kaum wanita yang berperwatakan seperti lelaki. (Sahih al-Bukhari)."

Pengiktirafan Gender Ketiga Memberi Kesan Kepada Perundangan Syariah

Pengiktirafan gender ketiga ini juga merupakan suatu usaha normalisasi golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) yang jelas bertentangan dengan ajaran agama Islam. Dalam hal ini, aktiviti LGBT dan pengiktirafan gender ketiga ini tidak hanya melibatkan isu ketidakharamian dalam kalangan masyarakat, tetapi ia memberi impak yang signifikan berhubung sistem perundangan sedia ada khususnya perundangan syariah yang berada di bawah bidang kuasa Negeri.

Ini kerana pengiktirafan gender ketiga ini dibimbangi membawa kepada pemansuhan perundangan sedia ada berhubung dengan aktiviti golongan LGBT dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah Negeri, seperti kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan, kesalahan perempuan berlagak seperti lelaki dan kesalahan tidak bermoral. Malah, lebih malang lagi, pengiktirafan ini juga sudah pasti akan memberi kesan kepada perundangan syariah yang telah mempruntukkan kesalahan yang berhubung dengan agama Islam yang lebih berat lagi iaitu kesalahan musaqaah dan hubungan jenis antara orang yang sama jantina.

Peranan Muslim Menolak Kemungkinan

Hal yang demikian ini sudah menjadi tanggungjawab muslim di Malaysia untuk membantah cadangan mengenai pengiktirafan gender ketiga ini. Ini seperti yang dipertegas oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Sanusi Azmi bahawa sebarang unsur kemungkinan yang berlaku di Malaysia ini hendaklah disuarakan bersama agar gelombang bantahan berjaya mematahkan usaha kemungkar. Ini selaras dengan perintah Allah agar setiap muslim ini memainkan peranan dalam memastikan kesejahteraan negara berteraskan al-Quran dan hadis.

Rasulullah turut memberikan bimbingan mengenai perkara ini dalam sabda Baginda yang berbunyi: "Tiada satu kaum yang melakukan maksiat, sedangkan ada dikalangan mereka yang mampu mencegahnya, melainkan akan dibimbangi keseluruhan mereka akan ditimpa azab ke atas kesemuanya" (HR Abu-Daud). Dalam masa yang sama, pihak berkuasa agama juga mempunyai peranan untuk memberi bimbingan kerohanian kepada golongan LGBT dan mereka yang mahu diktiiraf sebagai gender ketiga ini khususnya mereka yang beragama Islam untuk kembali menjelajahi kehidupan fitrah yang diajar oleh Islam.

